

SEMINAR HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN 2016 (SeHAM 2016)

**“HAK ASASI MANUSIA : TEORI, REALITI DAN PENGHAYATAN
SEMULA”**

OLEH

DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM

**(PENGERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI
PENGUATKUASAAN (EAIC)/HAKIM MAHKAMAH RAYUAN
MALAYSIA)**

7 SEPTEMBER 2016

FAKULTI UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

PENGENALAN

Kertas kerja ucap utama ini adalah disediakan bagi menjadi maklumat am dan ringkas dalam memberi in-put kepada Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP). Oleh itu kertas ini tidak bercadang untuk mengupas setiap isu yang berkaitan dengan hak asasi dan amalannya, baik di peringkat antarabangsa mahu pun di dalam konteks pemakaian dan amalannya di Malaysia.

Sekitar awal tahun 1940, atau lebih tepat pada tahun 1943 akibat daripada kehancuran negara dunia dan kekalahan Jerman dan sekutunya dalam Perang Dunia Kedua, lima negara kuasa besar ketika itu yang membentuk Kuasa Perikatan (Allied Powers), iaitu Amerika Syarikat, Soviet Socialist Republic, United Kingdom, Republic of China dan Perancis mengambil inisiatif bagi penubuhan sebuah kesatuan negara-negara yang lebih utuh dalam usaha mengelakkan daripada berulangnya kembali peperangan seperti Perang Dunia Kedua dan ke arah usaha pemeliharaan keamanan serta hak-hak kemanusiaan sejagat.

Kemuncak hasil daripada inisiatif tersebut pada 24 Oktober 1945, tertubuh kesatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (di sebut sebagai “United Nations” atau “UN” selepas ini) dengan keahlian sejumlah 51 negara pengasas. Kini UN dianggotai oleh sejumlah 193 negara merdeka, termasuk negara kita Malaysia yang menganggotainya pada 17 September 1957. Hari ini Malaysia telah menyambut ulang tahun ke 59 sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Di peringkat Asia Tenggara, Filipina dan Siam (dikenali sebagai Thailand kemudiannya) adalah merupakan dua negara terawal yang menandatangani UN Charter pada 26 Jun 1945 yang mengandungi 111 Artikel yang menyentuh pelbagai perkara yang menjadi keazaman bagi dicapai oleh negara ahli (member state).

Di atas kegigihan usaha oleh negara-negara pengasas UN tersebut, pada bulan Jun 1946, suatu entiti bernama *UN Commission on Human Rights* telah diwujudkan dengan keanggotaan 18 negara ahli pengasas dengan tanggungjawab bagi mengadakan proses rundingan dan konsultasi untuk menggubal satu dokumen khusus berkaitan hak asasi manusia. Setelah melalui sesi rundingan dan konsultasi yang rumit dan panjang, pada 10 Disember 1948, Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bersidang di Paris melalui *General Assembly*

Resolution 217(III) menerima bagi pengisytiharan dokumen penting iaitu “The Universal Declaration of Human Rights” (UDHR) atau “Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat” yang terdiri daripada 30 Artikel sebagai dokumen deklarasasi asas yang berkaitan dengan hak-hak asasi manusia dan perlindungan ke atas hak-hak asas tersebut untuk menjadi dokumen asas panduan oleh negara-negara bagi diberi pengiktirafan dalam penggubalan Perlembagaan negara merdeka tanpa ianya mempunyai sifat sebagai dokumen yang mengikat negara (non-legally binding document). Dalam konteks negara Malaysia, kes *Merdeka University Berhad v. Kerajaan Malaysia* [1981] CLJ 175, Mahkamah Agung telah mengesahkan kedudukan bahawa UDHR adalah “non-legally binding instrument”. Sembilan orang penggubal utama kepada dokumen tersebut, ialah Dr. Charles Malik (Lebanon), Alexandra Bogomolov (USSR), Dr Peng Chun Chang (China), Rene Cassin (Perancis), Elanor Roosevelt (US), Charles Dukes (United Kingdom), William Hodgson (Australia), Herman Santa Cruz (Chile) dan John P. Humphrey (Kanada). Wakil dari Asia Tenggara, iaitu Filipina turut memberi sumbangan kepada kandungan deklarasasi tersebut melalui Romulo (yang kemudiannya menjadi Presiden Filipina). Semasa Persidangan Agung tersebut sejumlah 48 negara telah mengundi bersetuju ke atas UDHR tersebut. Lapan negara ahli lain mengambil pendirian untuk tidak mengundi (abstain) termasuk USSR di atas isu hak warga negara untuk meninggalkan negara (right of citizen to leave their countries), Afrika Selatan yang ketika itu ingin mengekalkan dasar *apartheid*, dan Kingdom of Saudi Arabia di atas dua perkara deklarasasi iaitu hak “bagi menukar agama dan kepercayaan” (to change his religion or belief) dan “kesamarataan dalam perkahwinan” (equal marriage rights). Pakistan yang mengundi bersetuju ke atas dokumen deklarasasi telah mengkritik Kingdom of Saudi Arabia di atas perkara tersebut.

Prinsip-prinsip asas berkaitan deklarasi di bawah UDHR tersebut berterusan mendapat pandangan yang berbeza dan diskusi sehingga 57 negara-negara Islam anggota Organisation of Islamic Cooperation (IOC) juga mengambil usaha menggubal satu deklarasi berasingan berkaitan perkara hak asasi manusia, melalui perisytiharan “Cairo Declaration of Human Right” (CDHR) melalui Persidangan Ke 19 Menteri-Menteri Luar IOC yang berlangsung di Cairo, Mesir pada tahun 1990. Bagi negara Islam dan pendukung CHDR, perkara berkaitan hak asasi dihujahkan sebagai telah lama terkandung diiktiraf di dalam kitab suci Al-Quran, Constitution of Madinah (622) dan Al-Risalah al-Huquq (659-713). Bagaimana pun dokumen UDHR tersebut kekal digunapakai secara meluas oleh kebanyakan negara ahli UN kerana nilai universal atau kesegajatan yang terdapat di dalamnya. CDHR bagaimana pun diberikan elemen “compliment” atau pelengkap kepada UDHR.

Hari ini penduduk dunia telah mencapai sekitar 7.3 bilion orang. UN menjangkakan menjelang akhir abad ke 20 ini, penduduk dunia menjangkau kepada 11.2 bilion orang untuk mengisi planet yang dinamakan bumi ini. Baru-baru ini dilaporkan bahawa telah berlaku “overshoot” oleh penduduk dunia dalam penggunaan sumber asli (natural resources), iaitu sumber air, makanan dan udara bersih. Pencemaran berlaku pada kadar yang berlebihan daripada yang boleh di”absorb” oleh planet bumi ini atau dari kadar sumber asli yang boleh dihasilkan semula oleh bumi. Ini adalah merupakan hak asasi asas. Maka itu pihak UN telah menzahirkan kebimbangan tersebut melalui program “Earth Overshoot Day” bagi mengenalpasti, mengumpul dan menilai data-data berkaitan penggunaan sumber asli dunia yang semakin susut dan berkurangan (New Straits Times 6 Ogos 2016 p. 25).

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Pada 31 Ogos 1957, lanjutan daripada Perjanjian London yang ditandatangani pada 8 Februari 1956, Persekutuan Tanah Melayu di bawah kepimpinan dan usaha Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mencapai kemerdekaan dari pendudukan British. Usaha selanjutnya selepas kemerdekaan tersebut adalah bagi penggabungan tiga wilayah lagi, iaitu Sabah, Sarawak dan Singapura yang berhasrat untuk turut merdeka dalam Persekutuan. Hasilnya pada 16 September 1963 tertubuh negara Malaysia dengan kedudukan negara ke 66 terbesar di dunia. Bagaimana pun, pada 9 Ogos 1965, Singapura memilih untuk keluar daripada Persekutuan Malaysia bagi menjadi negara merdeka secara sendiri. Statistik terkini bagi Tahun 2016, melihatkan penduduk Malaysia adalah sejumlah 31.7 juta dalam mana 89.7% adalah warganegara dan bagi 10.3% terdiri daripada bukan warga negara. Bumiputera mengisi 68.6% daripada jumlah penduduk warga negara, Cina 23.4%, India 7.0% dan lain-lain bangsa 1.0%. Terdapat 16.4 juta adalah penduduk lelaki, dan 15.3 juta perempuan, iaitu pada nisbah 107 lelaki setiap 100 perempuan. Selangor mempunyai penduduk teramai sejumlah 19.95% dari jumlah penduduk Malaysia, kedua Sabah 12.0% dan Johor 11.5%. Malaysia sekarang berada di kedudukan 44 negara di dunia dari segi jumlah penduduk. Bagi negeri Sabah, penduduknya terdiri daripada 33 kumpulan pribumi dan etnik, majoriti adalah etnik Kadazan-Dusun. Manakala penduduk Sarawak terdiri daripada 27 kumpulan etnik dengan etnik Iban adalah majoriti. Perkara ini wajar disebutkan kerana di bawah Perlembagaan Persekutuan, negeri Sabah dan Sarawak diberi kedudukan istimewa berbanding dengan negeri-negeri asal lain dalam Persekutuan Malaysia, dan perkara istimewa tersebut termasuk hak berkaitan imigresen hasil daripada rundingan di bawah Suruhanjaya Cobbold. Kuasa ke atas hak kawalan imigresen tersebut telah digunakan dengan secara efektif oleh pihak berkuasa negeri Sarawak

baru-baru ini apabila menafikan kemasukan beberapa orang individu berprofil dari Semenanjung ke Sarawak semasa tempoh pilihanraya negeri Sarawak yang baru berlangsung di atas alasan kehadiran mereka boleh menggugat ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat di sana. Kebelakangan ini kita juga mendengar terdapat individu yang dikenakan perintah larangan (black list) oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia di atas alasan-alasan yang tidak pernah terdengar sebelum ini. Artikel 12 UDHR menyebutkan hak bagi kebebasan bergerak. Artikel 9 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan setiap warganegara berhak bergerak atau bermastautin dengan bebas di seluruh Persekutuan. Bagaimana pun kebebasan tersebut boleh dihadkan oleh keadaan yang disebutkan di bawah Artikel 12(3) atas dasar ketenteraman dan keselamatan. Kuasa-kuasa keistimewaan bagi negeri Sabah dan Sarawak tersebut tidak boleh dimansuhkan dengan sewenangnyanya oleh Persekutuan kerana ianya memerlukan kelulusan undang-undang oleh negeri-negeri tersebut. Adakah ini satu ketidaksamarataan keistimewaan dan layanan di antara negeri-negeri asal yang telah bersama membentuk Persekutuan Malaysia? Isu ini mungkin bukan isu hak asasi tetapi dapat melihatkan betapa hak layanan kesamarataan juga tidak dinikmati di antara negeri-negeri yang sama-sama membentuk kesatuan mendapatkan kemerdekaan negara. Pun begitu kepelbagaian budaya yang unik oleh penduduk Malaysia yang kaya dengan berbagai kumpulan etnik dengan sosio budaya dan amalan serta kepercayaan agama yang pelbagai disamping terdapatnya 137 “living language” di antara penduduknya, menjadikan isu berkaitan hak asasi lebih mencabar untuk dibuat ketentuan. Bagi penduduk beragama Islam pula, dalam kes *ZI Publications Sdn Bhd & Anor v Kerajaan Negeri Selangor; Kerajaan Malaysia & Anor (Intervener)* [2015] 8 CLJ 621, Mahkamah Persekutuan mengulangi kedudukan bahawa “Muslim in Malaysia are not only subjected to the general law enacted by Parlimen but also subjected to State laws of religious nature enacted by the State Legislature.”

Penggubalan Perlembagaan Persekutuan adalah diasaskan daripada kerangka yang diperakukan oleh Suruhanjaya Reid. Dengan yang demikian kerap kali huraian berkaitan Perlembagaan Persekutuan akan dibaca atau dirujuk sekali dengan laporan Suruhanjaya Reid bagi mengetahui latar belakang dan maksud perkara tertentu diadakan. Perkara-perkara seperti kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (national language) adalah merupakan di antara perkara-perkara yang diperakukan oleh Suruhanjaya Reid tetapi diketatkan lagi di bawah Perlembagaan dalam hal berkaitan pindaan ke atasnya yang memerlukan sokongan majoriti dua pertiga di Parlimen. Ini termasuk juga peruntukan yang berkaitan dengan keistimewaan orang Melayu dan anak negeri. Hal berkaitan kuasa dan keistimewaan raja-raja juga tidak boleh dipinda oleh Parlimen kecuali dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Kebebasan Asasi (Fundamental Liberties)

Di dalam perkara yang berkaitan dengan hak-hak asasi, Perlembagaan Persekutuan tidak menggunakan ungkapan hak asasi tetapi sebaliknya menggunakan ungkapan Kebebasan Asasi. Tiada definisi diberikan oleh Artikel 160 Perlembagaan Persekutuan ke atas maksud “kebebasan asasi” atau “hak asasi”. Artikel 160 ada memberi definisi bagi perkataan “hak pencen” yang melibatkan kakitangan perkhidmatan awam. Pun begitu, walau pun Perlembagaan menggunakan ungkapan “kebebasan asasi”, di dalam amalan seharian kita selalu menggunakan ungkapan hak asasi sebagai perkara-perkara yang dilindungi dan dijamin di bawah Artikel 5 hingga 13 Bahagian II Kebebasan Asasi.

Preamble kepada Artikel 5 memerintukkan perkara mengenai “Kebebasan diri”; Artikel 6 “Keabdian dan kerja paksa dilarang; Artikel 7 “Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa kebelakang dan perbicaraan berulang; Artikel 8 “Kesamarataan”, Artikel 9 “Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak; Artikel 10 “Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan; Artikel 11 “Kebebasan beragama”; Artikel 12 “Hak berkenaan dengan pendidikan”; dan Artikel 13 “Hak terhadap harta”.

Adakah Perlembagaan Persekutuan memberi hak sama rata kepada bukan warga negara dalam perkara kebebasan asasi?

Penelitian teliti ke atas setiap peruntukan di bawah Artikel 5 sehingga Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan, melihatkan terdapat penggunaan ungkapan yang khusus bagi membezakan perkataan “orang” dan “warganegara”. Maka yang demikian perkara perlindungan kebebasan asasi tersebut bukan merupakan kebebasan mutlak kepada semua orang. Artikel 9, Artikel 10 dan Artikel 12 tidak menggunakan ungkapan “orang” tetapi sebaliknya menggunakan ungkapan “warganegara”. Dengan kata lain Artikel 9 (Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak), Artikel 10 (Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan) dan Artikel 12 (Hak berkenaan pendidikan) adalah kebebasan asasi yang hanya memberi perlindungan ke atas warganegara.

Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan memerintukkan kebebasan diri. Di antaranya ia memerintukkan bahawa tiada mana-mana orang boleh ditangkap tanpa diberitahu dengan seberapa segera alasan tangkapannya dan orang yang ditangkap itu dibenarkan berunding dengan atau dibela oleh pengamal undang-undang pilihannya [Artikel 5(3)]. Jika orang yang ditangkap itu tidak dilepaskan

tanpa kelengahan dalam tempoh 24 jam, maka orang itu perlu di bawa ke hadapan Majistret dan orang tidak boleh ditahan selanjutnya tanpa kebenaran Majistret itu [Artikel 5(4)]. Fasal (3) dan (4) Artikel 5 tersebut bagaimana pun tidak memberi perlindungan kepada orang asing musuh [Artikel 5(5)]. Tiada definisi diberikan bagi maksud ungkapan “orang asing musuh” tersebut. Maka itu hak diberikan alasan tangkapan dan perwakilan oleh peguam serta pengemukaan orang tangkapan kepada Majistret selepas tempoh 24 jam tidak diberi kepada orang asing musuh.

Kehendak bagi orang tangkapan diberitahu alasan tangkapannya diperuntukkan oleh seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen tersebut juga mengkehendaki orang tangkapan diberi hak untuk menghubungi keluarga dan peguamnya. Bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat Prosedur Tetap Operasi (SOP) yang menjadi panduan kepada pegawai menangkap dan pegawai penyiasat. Bagaimana pun terdapat banyak aduan daripada orang tangkapan atau keluarga orang tangkapan bahawa orang tangkapan tidak diberikan alasan tangkapan atau tidak diberikan hak menghubungi peguam atau keluarga.

Di dalam kes *Dharmendran a/l Narayanasamy (N. Dharmendran)*, orang tahanan tersebut hanya dibenarkan berjumpa keluarga selepas lapan hari ditahan. Dharmendran ditangkap pada 11 Mei 2013 dan dibenarkan berjumpa keluarganya hanya pada 19 Mei 2013. N. Dharmendran kemudiannya didapati mati di dalam lokap D9, IPK Kuala Lumpur pada petang 21 Mei 2013, iaitu 10 hari selepas ditahan reman. Laporan *autopsy* melihatkan N. Dharmendran mengalami sejumlah 52 jenis kecederaan fizikal dan dalaman yang diakibatkan oleh hentakan benda tumpul (blunt force trauma). Pakar patologi daripada Hospital Besar Kuala Lumpur di dalam keterangan siasatan awam EAIC bagi menyiasat kematian tersebut

membuat kesimpulan sebab kematian N. Dharmendran bahawa 52 kecederaan yang dialami oleh simati telah menyebabkan “acute massive loss of blood into the tissues causing hypovolemic shock which can lead to death.” Laporan penuh siasatan EAIC tersebut telah dibuat pendedahan awam (public disclosure) pada 28 April 2016 yang lalu. Pelbagai kesalahan bersifat jenayah dan salah laku telah didapati dilakukan oleh anggota dan pegawai kanan PDRM terlibat yang menyebabkan EAIC membuat perakuan kepada Jabatan Peguam Negara bagi membawa pertuduhan jenayah ke atas anggota dan pegawai yang dikenalpasti yang didapati bersengkokol untuk melakukan “cover up” ke atas sebab sebenar kematian simati. Dapatan dawai kokot (bullet staple) yang masih tertanam di telinga kiri dan kanan simati adalah sangat mengejutkan dan menyedihkan. Pakar patologi yang membuat bedah siasat mengesahkan dawai kokot tersebut di “stapled” pada telinga simati ketika simati masih hidup ketika berada di dalam kustodi pihak polis. Perakuan oleh EAIC tersebut masih di dalam pertimbangan pihak Jabatan Peguam Negara.

Wajar juga disebutkan bahawa terdapat empat anggota polis termasuk seorang berpangkat Inspektor telah dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana kesalahan menyebabkan kematian dengan niat membunuh. Bagaimana pun Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur [*Perbicaraan Jenayah No. WPPJ 45B-02-09/2013 (Pendakwa Raya lwn. 1. Jaffri bin Jaafar, 2. Mohd Nahar bin Abd. Rahman, 3. Mohd Haswadi Zamri bin Shaari)*] dan [*Perbicaraan Jenayah No. WPPJ 45B-03-09/2013 (Pendakwa Raya lwn Hare Krishnan a/l Subramaniam)*] telah melepas dan membebaskan keempat-empat tertuduh apabila Mahkamah Tinggi memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan. Pihak Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati di atas keputusan tersebut telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Malaysia. Mahkamah

Rayuan telah membenarkan rayuan Pendakwa raya dan memerintahkan supaya keempat-empat tertuduh dipanggil membela diri di atas pertuduhan seksyen 302 tersebut. Bagaimana pun setelah pembelaan diri dipanggil, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah melepas dan membebaskan keempat-empat tertuduh di atas alasan pembelaan tertuduh-tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan kes pendakwaan gagal dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah.

Di dalam kes yang melibatkan kematian orang tahanan bernama *Syed Mohd Azlan bin Syed Nur Mohamed* yang ditangkap oleh polis Kota Tinggi, Johor pada 3 November 2014, laporan tangkapan hanya dibuat oleh pegawai yang menangkap simati beberapa jam selepas Syed Mohd Azlan mati akibat daripada kekerasan fizikal yang dialami olehnya semasa tangkapan dan proses soalsiasat yang dilakukan di balai sebaik selepas tangkapannya. Pihak EAIC yang menjalankan siasatan ke atas kematian tersebut telah membuat dedahan awam (public disclosure) ke atas hasil dan dapatan siasatan dan membuat perakuan kepada Jabatan Peguam Negara bagi pendakwaan jenayah dibawa ke atas anggota-anggota terlibat. Pada bulan Mei 2016, seramai tiga orang anggota termasuk seorang pegawai berpangkat Inspektor telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, Johor bagi kesalahan di bawah seksyen 304(1)(b) Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun penjara jika sabit kesalahan. Kes ini sedang diperingkat perbicaraan.

Di masa yang sama, keluarga dalam kedua-dua kes *N. Dharmendran* dan *Syed Mohd Azlan* telah menfailkan tindakan saman sivil terhadap pihak polis dan kerajaan.

Ini membawa kita kepada kes *Kugan a/l Ananthan (N Indra a/p Nalathamby (administratrix of estate and dependant of Kugan a/l Ananthan, deceased) v Datuk Seri Khalid bin Abu Bakar & Ors* [2014] 8 MLJ 625). Kugan ditemui mati di Lokap Balai Polis Taipan. Kugan telah ditahan oleh pihak polis pada 14 Januari 2009 bagi disiasat berkaitan kes kecurian kenderaan. Keluarga Kugan tidak diberitahu di mana dia ditahan sehinggalah tarikh 20 Januari 2009 apabila keluarga Kugan diberitahu tentang kematiannya. Pihak PDRM mengeluarkan kenyataan bahawa Kugan mati disebabkan “due to water in lungs”. Bagaimana pun laporan *autopsy* kedua mendapati mayat Kugan mengalami kesan-kesan pukulan dan trauma fizikal teruk. Terdapat “45 categories of external injuries” dengan kecederaan dalaman yang meluas dan sebab kematian disahkan akibat “acute renal failure due to rhabdomyolysis due to blunt trauma to skeletal muscle”. Seorang anggota polis berpangkat konstable telah disabitkan di bawah kesalahan seksyen 330 dan 331 Kanun Keseksaan dan dihukum penjara selama 3 tahun bagi kesalahan mendatangkan cedera parah ke atas Kugan semasa melakukan soal siasatan bagi mendapatkan pengakuan simati tersebut ke atas kejadian curi kenderaan. Di dalam membenarkan tuntutan ganti rugi oleh keluarga Kugan, hakim Mahkamah Tinggi telah membuat observasi dalam penghakimannya dengan mengatakan bahawa “Kecederaan parah pada simati tidak mungkin disebabkan oleh D2 (seorang anggota polis yang dituduh) tetapi mungkin dilakukan oleh pegawai-pegawai lain dan pegawai polis yang mempunyai akses dan yang ditugaskan untuk meny soal siasat simati mengikut jadual tugas mereka yang mana defendan-defendan seharusnya didapati bertanggung ke atasnya.” Mahkamah Rayuan juga telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bagi memberi pampasan kepada keluarga A. Kugan di atas perlakuan salah (unlawful act) yang telah dilakukan ke atas simati itu. Mahkamah Tinggi telah memberikan pampasan berjumlah RM851,700.00 kepada keluarga Kugan.

Dalam perenggan [29] penghakimannya, Hakim Mahkamah Tinggi VT Singham J. mengatakan seperti berikut:

“The courts are also required to have a change in their outlook and attitude, particularly in cases involving custodial crimes and they should exhibit more sensitivity and adopt a realistic rather than a narrow technical approach, while dealing with the case of custodial crime so that as far as possible within their powers the guilty should not escape so that the victim of crime has the satisfaction that ultimately the Majesty of Law has prevailed.”

Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 menghendaki supaya orang tahanan diperiksa oleh seorang doktor perubatan dengan seberapa segera apabila orang tahanan itu ditahan di lokap bagi menentukan kesesuaian orang tahanan ditahan di lokap atau ditempat lain bagi tujuan rawatan. Siasatan yang dijalankan oleh EAIC mahu pun SUHAKAM mendapati Kaedah 10 ini hampir tidak ada dipatuhi oleh pihak berkuasa. Maka itu tidak menghairankan berlakunya kematian orang tahanan di dalam lokap disebabkan masalah kesihatan akibat daripada ketidakpatuhan kepada Kaedah 10 tersebut. Sesuatu perlu dilakukan dengan konkrit untuk Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 ini dipatuhi dengan ketatnya oleh pihak berkuasa. Laporan Tahunan SUHAKAM Tahun 2015 memberikan maklumat bahawa sejumlah 242 kematian orang tahanan berlaku dari tahun 2000 hingga Februari 2014 dan sebahagian besar kematian itu akibat dari “natural cause” atau penyakit yang dialami oleh orang tahanan (206 kematian). 30 kematian berlaku akibat bunuh diri. Perkara kematian tahanan akibat penyakit mungkin akan dapat diatasi atau dikurangkan jika Kaedah-Kaedah Lokap 1953 dipatuhi serta keadaan

persekitaran lokap yang lebih memuaskan. Artikel 22 hingga 26 United Nation Standard Minimum Rules for Treatment of Prisoners (SMR) menyebutkan tentang perkhidmatan perubatan yang sewajarnya diadakan bagi penjara atau tempat tahanan. Pada 20 April 2016, SUHAKAM telah mengeluarkan hasil kajian dan laporan bertajuk “The Right To Health In Prison, Results of a Nationwide Survey and Report” bersama perakuan bagi menambahbaik pengurusan banduan atau orang tahanan di penjara.

Pada beberapa tahun yang lepas (2007) melihatkan Kerajaan mengambil langkah drastik yang mendapat sanjungan rakyat apabila memansuhkan undang-undang *draconian* seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Kediaman Terhadap 1933 (RRA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (POPOC) dan Akta Buang Negeri 1959 (BA).

Bagaimana pun sebagai ganti, Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Akta Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) (Akta 747) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). Di samping itu pada tahun 2015, pindaan juga telah dibuat ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) (Akta 297) bagi merangkumi aktiviti penganas. Pemakaian POCA juga yang sebelumnya hanya berkuat kuasa di Semenanjung, telah diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak. POCA telah membenarkan tahanan reman bagi tujuan siasatan selama 59 hari dan menghadkan kuasa Mahkamah (Majistret) yang menimbangkan permohonan reman daripada memeriksa bukti berkaitan keperluan tahanan selama tempoh yang diminta tersebut. Adalah dikhuatiri tanpa pengawasan yang ketat dan ketiadaan SOP yang komprehensif, kecenderungan terjadinya penyalahgunaan kuasa akan berlaku dengan sewenangnyanya. Peranan Lembaga Pencegahan Jenayah juga dituntut untuk menjadi pelindung yang kredible kepada

orang tahanan daripada keterangan dan bukti-bukti yang samar yang dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri (IO) bagi mendapatkan perintah tahanan pencegahan yang boleh berlarutan selama lima tahun. Perbicaraan yang adil dan hak untuk mendapatkan khidmat peguam sewajarnya menjadi teras amalan terbaik Lembaga tersebut dalam memastikan orang tahanan mendapat perlindungan yang adil.

Pada 21 April 2015, PDRM telah mengeluarkan SOP yang komprehensif dan baharu bagi pengurusan lokap-lokap PDRM bagi dipatuhi oleh semua pihak yang mempunyai akses kepada lokap dan orang tahanan di lokap. SOP tersebut secara nyata meletakkan larangan penggunaan kekerasan ke atas orang tahanan semasa soal siasat.

Bagaimana pun, adakah SOP tersebut dihayati oleh anggota dan pegawai PDRM? Laporan dan pengaduan oleh orang tahanan bahawa terdapat kekerasan fizikal digunakan terhadap mereka masih jelas kedengaran hingga hari ini. Adakah ini berlaku kerana masalah disiplin dan kelemahan dalam mekanisma pemantauan (monitoring) tatalaku anggota dan pegawai yang mengendalikan orang tangkapan/orang tahanan? EAIC melihat perkara ini dari sudut salah laku. Terdapat anggota dan pegawai yang tidak tahu tentang kandungan SOP tersebut. Terdapat anggota dan pegawai dengan sengaja melanggar SOP tersebut bagi mendapatkan maklumat atau pengakuan secara paksa dari orang tangkapan atau orang tahanan. Terdapat langkah diambil oleh PDRM supaya proses soal siasat dilakukan di bawah rakaman video bagi mengesan sebarang perlakuan penggunaan kekerasan semasa soal siasat. Bagaimana pun EAIC diberitahu oleh pegawai kanan PDRM semasa pendengaran awam siasatan kes kematian N. Dharmendran, bahawa penggunaan video rakaman adalah di atas kuasa budibicara pegawai soal siasat sepenuhnya. Maka yang demikian satu mekanisma adalah dicadangkan untuk

orang tahanan diperiksa oleh pegawai perubatan sebelum dimasukkan ke dalam lokap dan sebelum dibebaskan daripada lokap atau tahanan. Ini akan membuatkan anggota dan pegawai soal siasat menahan diri daripada menimpakan apa-apa kecederaan ke atas orang tahanan.

Bagi tahanan reman SOSMA yang panjang, adalah juga dicadangkan akses ke atas mereka diberikan kepada pasukan perubatan secara berkala membolehkan kesihatan mereka diperiksa dan dinilai. Satu mekanisma perlu diwujudkan dalam SOP berkaitan SOSMA untuk pengaduan orang tahanan berkaitan perlakuan kekerasan fizikal dan penderaan dibuat kepada satu badan bebas seperti EAIC atau SUHAKAM untuk melakukan siasatan termasuk mendapatkan rawatan atau pemeriksaan perubatan ke atas orang tahanan. Ketika ini pihak polis masih tidak menyatakan adakah mereka telah mempunyai satu SOP yang khusus bagi mengendalikan orang tangkapan dan tahanan SOSMA. Jika sekiranya SOP berkaitan pengurusan lokap PDRM sedia ada adalah terpakai kepada orang tahanan yang di tahan di bawah SOSMA, maka terdapat peruntukan yang melarang penggunaan kekerasan semasa soal siasat. Baru-baru ini seramai 7 orang bekas tahanan SOSMA membuat aduan kepada SUHAKAM, SUARAM dan EAIC bahawa kekerasan fizikal dan penderaan dilakukan ke atas mereka semasa berada di bawah tahanan pihak polis. Siasatan bersama oleh EAIC dan SUHAKAM dalam perkara ini masih berjalan.

EAIC juga berharap pihak PDRM mewujudkan SOP yang lebih komprehensif dan pemahaman yang jelas dalam penguatkuasaan undang-undang yang baharu diberi tarikh perwartaan untuk dikuatkuasakan, iaitu Akta Majlis Keselamatan Negara, 2015 (NSC) yang mempunyai peruntukan yang lebih luas dan drastik dalam penahanan individu yang disyaki terlibat mengganggu atau mengancam

keselamatan negara atau mana-mana bahagian dalam negara. Bagaimana pun Akta NSC tersebut tidak memberikan definisi maksud ungkapan “keselamatan”. Pengalaman dalam kes-kes di bawah tahanan POPOC melihatkan maksud ruanglingkup POPOC yang asalnya lebih kepada tahanan pencegahan terhadap sindiket jenayah terancang yang boleh mengancam keselamatan awam diperluaskan kepada perlakuan yang boleh mendatangkan kerugian ekonomi seperti penganjuran perjudian secara haram dan mencuri kenderaan. Kebelakangan ini terdapat saranan oleh individu yang berpengaruh dalam Majlis Agama Islam sebuah negeri supaya SOSMA diluaskan untuk merangkumi sama ke atas orang yang berfahaman dan mengamalkan ajaran Syiah di negara ini yang dikatakan ajaran tersebut boleh mendorong orang Islam terlibat dalam kumpulan militan.

Rekod melihatkan bagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tersebut digunakan hingga ke *limitnya* oleh pihak berkuasa sehinggakan terdapat wartawan ditahan di bawah Akta tersebut hanya di atas alasan untuk memberi perlindungan keselamatan ke atasnya dari sebarang bahaya tindak balas orang lain yang tidak gemar di atas pelaporannya di atas isu tertentu. Ini jelas merupakan satu salah guna kuasa oleh pihak berkuasa.

Pada 29 Jun 2016, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan oleh pihak polis dan kerajaan terhadap kuantum ganti rugi yang perlu dibayar kepada lima orang bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Kelima-lima tahanan tersebut ditahan selama 41 hingga 53 hari sebelum ditempatkan di Pusat Tahanan Kamunting, Perak di atas alasan mereka adalah pengganas. Dijangkakan keseluruhan pampasan yang kena dibayar kepada kelima-lima tahanan tersebut

sekitar RM5.6 juta di atas perkiraan RM10,000 bagi setiap hari penahanan salah berserta kos sebanyak RM30,000.

Di dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v PP* [1981] 1 MLJ 84, Ketua Hakim Negara Tun Suffian FCJ menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, di muka surat 92 mengatakan seperti berikut:

“Malaysia should not be allowed to develop into a police state. Member of the Force who do their duty in accordance with the law will receive our and public support and encouragement; but those who treat suspect in a cruel manner can expect to receive only very severe punishment from the courts. Parliament and the public will not allow a Savak to be established here, bringing disrepute to those responsible for the government and the administration of justice.”

Artikel 6 Perlembagaan Persekutuan melarang mana-mana orang dari ditahan sebagai abdi atau melakukan apa-apa kerja paksa.

Malaysia tidak mempunyai isu serius hak asasi di dalam perkara ini. Tiada aduan bahawa terdapat buruh paksa atau buruh kanak-kanak. Bagaimana pun terdapat isu yang berkaitan dengan penetapan gaji minima seperti yang diputuskan Majlis Perundingan Gaji Negara di bawah Akta 732 yang sepatutnya dibayar kepada pekerja; dan isu eksploitasi pekerja asing yang melibatkan masa kerja yang panjang, ketiadaan kemudahan cuti rehat yang sepatutnya, masalah kediaman atau tempat tinggal yang tidak sempurna dalam segala aspek kemanusiaan dan kesihatan, pembayaran gaji yang tidak mengikut jadual dan pengabaian kesihatan

pekerja. Walau pun terdapat Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990 (Akta 446) yang memperuntukkan kawalan berkaitan *standard* tempat tinggal pekerja, tetapi Akta tersebut jarang diberi perhatian bagi penguatkuasaannya.

Terdapat juga keadaan dimana pekerja asing diambil dan disewakan kepada pihak-pihak terutama kilang-kilang yang memerlukan pekerja dengan kontrak bekalan pekerja di masuki di antara syarikat pembekal dan kilang terlibat. Di dalam keadaan ini gaji bulanan pekerja asing yang dibekalkan akan dibayar kepada syarikat pembekal mengikut perkiraan pekerja yang dibekalkan dan kadar gaji tertentu dan pekerja akan menerima gaji daripada syarikat pembekal tersebut dengan dibuat potongan fee perkhidmatan, kos pengangkutan pekerja dan kemudahan asrama yang disediakan oleh syarikat pembekal. Akhirnya pekerja hanya menerima gaji yang sangat minima bagi kerja-kerja yang telah dilakukan. Pekerja seperti ini tiada tempat untuk membuat aduan kerana kilang bukan majikan mereka dan syarikat pembekal juga hanya bertindak sebagai ejen pembekal pekerja. Sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan sebuah badan kawal selia bagi menguruskan dan menjaga kebajikan pekerja-pekerja asing berdaftar yang terdapat di negara ini yang jumlahnya dianggarkan seramai 3 juta orang.

Kajian melihatkan kanak-kanak di Malaysia tidak banyak terlibat dalam gejala buruh kanak-kanak. Begitu terdapat isu penggunaan dan eksploitasi kanak-kanak di bawah umur yang agak berleluasa di bandar besar seperti Kuala Lumpur bagi mendapatkan derma atau sumbangan wang tunai daripada orang ramai. Malaysia telah mempunyai Polisi Perlindungan Kanak-Kanak (Child Protection Policy) sejak tahun 2009. Kegagalan bertindak oleh pihak berkuasa telah menyumbang

kepada keadaan pengemisan yang berleluasa sekarang dari kalangan kanak-kanak yang digunakan oleh individu atau sindikit tertentu. Pun begitu pindaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini ke atas Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dijangka akan memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada kanak-kanak daripada terdedah kepada bahaya kekerasan fizikal, perlakuan kezaliman dan serangan berunsur seksual.

Di dalam pada itu perkara mengenai pekerja di Malaysia telah diuruskan dengan agak sempurna oleh Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan dasar berkaitan pekerjaan, dan juga melalui penwujudan dan peranan Jabatan Tenaga Kerja/Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Perhubungan Perusahaan serta Mahkamah Perusahaan melalui Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) untuk membicarakan apa-apa pertikaian perusahaan di antara pekerja dan majikan yang dibuat rujukan oleh Menteri. Urusan berkaitan pekerjaan dan keselamatan tempat bekerja juga dikawal di bawah Akta Pekerjaan 1955 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Perkembangan antarabangsa

Di dalam mengukuhkan dan mengembangkan lagi perkara-perkara yang perlu diiktiraf sebagai membentuk hak asasi selari dengan kelahiran atau pembentukan banyak negara baru yang mencapai kemerdekaan, perlindungan masyarakat *minoriti* dan amalan kepelbagaian budaya yang perlu dipelihara, pada tahun 1960 UN menerima (adopted) dua dokumen penting, iaitu International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)” dan “International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR)”.

Sejak tarikh tersebut pelbagai instrumen antarabangsa mengenai hak asasi digubal dan negara-negara anggota UN ditawarkan menyertai dengan menerima dan menandatangani instrumen tersebut bagi dijadikan panduan dan penggubalan kepada undang-undang domestik atau munisipal negara ahli kepada instrumen tersebut.

Terdapat enam instrumen yang juga dikenali secara meluasnya sebagai “core treaties”, iaitu:

- “• Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) (adopted 1979, entry into force: 1981);
- Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (CERD)(adopted 1966, entry into force : 1969);
- Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)(adopted 2006, entry into force : 2008);
- Convention on Human Rights of the Child (CRC) (adopted 1989, entry into force : 1989);
- United Nations Convention Against Torture (CAT) (adopted 1984, entry into force : 1987);

- International Convention on the Protection of the Rights of Migrant Workers and Members of their Families (ICRMW/MWC)(adopted 1990, entry into force: 2003).”

Malaysia telah menandatangani Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995 dengan reserversi ke atas beberapa perkara tertentu. Bagaimana pun Kerajaan masih belum memasukkan peruntukan CEDAW untuk menjadi undang-undang domestik (undang-undang tempatan) melalui Akta Parlimen. Baru-baru ini dilaporkan bahawa akibat daripada ketiadaan undang-undang khusus bagi memberi kesan ke atas CEDAW, berlaku penindasan dan diskriminasi oleh majikan ke atas wanita hamil yang bekerja dalam sektor swasta sehingga ada yang dibuang atau diberhentikan kerja kerana hamil, disekat kenaikan pangkat atau tempoh percubaan dipanjutkan (Berita Harian 16 Ogos 2016 p. 9). Pada tahun 1995, Malaysia juga telah menandatangani dengan reserversi ke atas Artikel 2 (tiada diskriminasi), Artikel 7 (kewarganegaraan), Artikel 14 (kebebasan berfikir, rasa hati, dan agama), Artikel 28(1)(a) (hak untuk pendidikan sekolah rendah percuma dan Artikel 37 (penahanan dan hukuman) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvesyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Ketiga-tiga konvensyen ini mempunyai regim pelaporan yang ketat dalam menyelia negara ahli melaksanakan kandungan yang terdapat di dalam konvensyen tersebut. Bagaimana pun, Malaysia sehingga hujung tahun 2015 masih gagal membuat Laporan Negara yang dikehendaki di bawah ketiga-tiga konvensyen tersebut. Kali terakhir Malaysia membuat Laporan Negara adalah pada 20 Disember 2006.

Di dalam pada itu Malaysia masih tidak menyertai Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT). Pun begitu, konvensyen tersebut memberi kelonggaran bahawa walau pun negara tidak menyertai CAT, tetapi negara hendaklah menegakkan prinsip-prinsip larangan terhadap penyeksaan dengan mengambil langkah-langkah yang perlu dalam menghapuskan penyeksaan.

Kes-kes berkaitan pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 melihatkan peningkatan jumlah individu yang dituduh di bawahnya dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Adakah diterima umum dan diiktiraf oleh undang-undang bahawa kebebasan bersuara yang diperuntukkan di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan adalah tidak mutlak. Perkembangan semasa melihatkan lebih banyak elemen bersifat hasutan dimasukkan melalui Akta Hasutan (Pindaan) 2015. Peruntukan bagi menafikan jaminan (bail) juga dimasukkan dengan pihak Pendakwa Raya diberi kuasa melalui pengeluaran sijil menafikan jaminan daripada diberikan oleh Mahkamah ke atas tertuduh yang dituduh bagi kesalahan di bawah seksyen 4(1A)(seksyen 5A). Seksyen berkaitan dengan hukuman juga telah dipinda bagi mengadakan peruntukan hukuman minima pemenjaraan jika sabit kesalahan “to imprisonment for a term of not more than three years but not exceeding seven years” bagi menggantikan budibicara Mahkamah di bawah peruntukan asal yang boleh mengenakan hukuman dendaan ke atas pesalah yang disabitkan.

Pada tahun 2010, Parlimen telah meluluskan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bertujuan mengawal selia data peribadi dalam transaksi komersil. Tuntutan bagi undang-undang sedemikian diwujudkan adalah akibat daripada keadaan berleluasa penggunaan maklumat peribadi individu yang didedahkan dan

digunakan oleh entiti komersil tanpa kebenaran pemilik data tersebut dan ianya menyentuh hak asasi melibatkan privasi pemilik data. Disebalik perlindungan tersebut, data milik individu khususnya nombor telefon *mobile* masih kerap mendapat gangguan oleh entiti komersil khususnya yang melibatkan aktiviti judi *on-line* yang kelihatannya seperti gagal dikawal oleh pihak berkuasa. Bagaimana pun beberapa keputusan kes mahkamah tidak melihatkan “right to privacy” mendapat pengiktirafan undang-undang di Malaysia seperti yang diputuskan dalam kes *Ultra Dimension Sdn Bhd v Kook Wei Kuan* [2004] 5 CLJ 285; *Dr Bernadine Malini Martin v MPH Magazine Sdn Bhd & 2 lagi* (Civil Appeal No. W-02-1165-2004 Court of Appeal)(unreported). Perlembagaan Persekutuan juga tidak memperuntukkan apa-apa hak kepada privasi.

Isu semasa seperti pemerdagangan orang (human trafficking) juga menjadi ancaman yang besar kepada hak asasi yang memerlukan langkah dan tindakan yang konkrit dan konsisten diambil dengan efektif. Ketika ini Malaysia berada di Tier 2 dalam nilai oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat. Akta AntiPemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) perlu dibuat kajian dan penilaian semula dengan mengambil kira kepada in-put dan perkembangan semasa.

Penghayatan semula

Perlu kita akui, terdapat cabaran yang besar dalam pemeliharaan dan pengukuhan hak asasi. Bagi individu, mereka inginkan supaya hak-hak kebebasan mereka tidak dikenakan sebarang sekatan. Bagi pemerintah pula hak-hak kebebasan yang diberikan perlu dihadkan dan tidak boleh bersifat mutlak, dan perlu dikawal melalui undang-undang yang khusus di atas alasan kepentingan keselamatan

negara, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat mengatasi kepentingan dan hak individu. Memahami dasar-dasar pemerintah tersebut sebagai suatu keperluan yang munasabah, rakyat meletakkan kepercayaan kepada pemerintah dan pihak penguat kuasa bagi bertindak mengikut undang-undang dan keluhuran Pelembagaan dalam perkara-perkara yang melibatkan kebebasan asasi. Pun begitu, mempunyai peruntukan undang-undang yang melindungi hak-hak asasi masih tidak memadai jika negara tidak mempunyai satu mekanisma yang efektif bagi melindungi hak-hak tersebut jika berlaku pencerobohan atau pemecahan ke atasnya.

Langkah Kerajaan ke arah mewujudkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) yang diasaskan kepada lima teras adalah merupakan satu langkah ke hadapan dalam memelihara dan meningkatkan budaya menghormati dan melindungi hak asasi dalam semua aspek pentadbiran Kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang.

Di masa yang sama, peranan badan-badan statutori yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab dalam memperkasakan hak asasi perlu diperkuatkan dan dilengkapi dengan kemudahan logistik dan peruntukan kewangan secukupnya untuk dapat beroperasi dengan efektif.

Tidak ketinggalan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) atau *civil society* perlu diberi pengiktirafan yang sepatutnya dalam menjalankan usaha memperkukuhkan dan mengawasi hak asasi yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak dicemari sewenangnyanya. Melalui NHRAP, badan-badan bukan kerajaan seperti SUARAM, Amnesty International Malaysia, PROHAM, Lawyer for Liberties, Tenaganita, persatuan-persatuan pengguna dan lain pertubuhan yang serupa

sewajarnya diberi pengiktirafan sebagai “smart partner” dan dirundingi dalam isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi termasuk dalam pelaksanaan program atau pelan tindakan NHRAP serta penggubalan undang-undang. Setiap kepakaran yang terdapat di dalam kerajaan mahu pun di luar kerajaan sewajarnya digembeling secara harmoni dan bersama dalam mencapai hasrat murni bagi memartabatkan hak-hak asasi di negara ini.

Kesimpulan

Walau pun kerangka kebebasan asasi (fundamental liberties) diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, tetapi perjalanan masih jauh buat Malaysia untuk memartabatkan perkara-perkara berkaitan hak asasi manusia. Keazaman politik yang tinggi adalah dituntut untuk menjayakannya. Institusi-institusi kerajaan khususnya agensi penguatkuasaan undang-undang dan badan kehakiman mempunyai peranan yang sangat penting dalam bersama memelihara dan memperkukuhkan hak-hak asasi. Kesedaran rakyat dalam segala peringkat dan lapisan masyarakat perlu dipertingkatkan bagi didedahkan kepada isu-isu berkaitan hak asasi dan kepentingan kepada kehidupan manusia secepat untuk berterusan dipertahankan.

Rujukan :

1. Perlembagaan Persekutuan/Federal Constitution (Authoritative Text The Commissioner of Law Revision Malaysia).

2. Human Rights in the Twentieth Century : Edited by Stefan-Ludwig Hoffman.
3. The Myth of Rights – The Purposes and Limits of Constitutional Rights : Ashutosh Bhagwat (Oxford).
4. Tan Sri Azahar bin Mohamed, FCJ “The Impact of Parallel Legal System On Fundamental Liberties In Multi-Religious Societies” Journal of The Malaysian Judiciary July 2016 p.57.
5. Malaysian Journal on Human Rights 2014 (SUHAKAM).
6. The Right to Health in Prison, Results of a Nationwide Survey and Report by SUHAKAM (20 April 2016).
7. Personal Data Protection in Malaysia: Law and Practice (Abu Bakar Munir & Siti Hajar Moh Yasin)(Sweet & Maxwell Asia).
8. Malaysia 2014 : Buku Rasmi Tahunan Jabatan Penerangan Malaysia.
9. Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan : Edisi Kedua (Abdul Aziz Bari).
10. Malaysia – Wikipedia (<http://en.wikipedia.org/wiki/Malaysia>).
11. Human rights – Wikipedia (http://en.wikipedia.org/wiki/Human_rights).
12. Seminar Proceedings : National Human Rights Action Plan 24 & 25 May 2012 (Legal Affairs Division Prime Minister’s Department).